

20/04/1998

Pejabat PM, TPM siap awal tahun depan

KUANTAN, Ahad - Pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru di Putrajaya, dijangka disiapkan pada awal tahun depan.

Selain dua pejabat berkenaan, projek dalam fasa satu A di Putrajaya itu yang akan siap dalam tempoh berkenaan turut membabitkan pembinaan pejabat dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), termasuk Biro Tata Negara (BTN), Jabatan Kehakiman dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis).

Timbalan Menteri di JPM, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi pada masa ini, rancangan memindahkan pusat pentadbiran kerajaan yang baru ke Putrajaya tidak terjejas.

Beliau berkata, fasa pertama pembangunan Putrajaya membabitkan peruntukan RM4 bilion, manakala fasa kedua yang dimulakan pada tahun 2000 dan mengambil masa antara lima hingga 10 tahun untuk disiapkan, dijangka membabitkan kos kira-kira RM16 bilion.

Setakat ini, katanya, projek fasa satu A hampir disiapkan, manakala fasa satu B masih dijalankan, membabitkan pembinaan kediaman Perdana Menteri, timbalannya dan semua anggota Kabinet.

Menurutnya, sebanyak 3,500 unit kediaman dibina di situ, iaitu 1,800 unit diperuntukkan bagi kegunaan kerajaan dan 1,700 unit lagi disediakan kepada swasta.

"Pembangunan di Putrajaya yang bernilai RM20 bilion, tidak terjejas walaupun berlaku kegawatan ekonomi tetapi kita mengakui ada kelewatan menyiapkannya iaitu kira-kira enam bulan, kerana masalah teknikal, bukannya disebabkan masalah kewangan.

"Setakat ini, fasa satu A yang menempatkan pejabat Perdana Menteri, timbalannya dan jabatan serta agensi di bawah JPM, dijangka siap awal tahun depan," katanya di sini, hari ini.

Fauzi berkata, kuarters kerajaan juga akan dibina di Putrajaya membabitkan 500 unit banglo dan rumah separa berkembar selain pembinaan 1,300 unit pangsapuri dan beberapa kemudahan lain, seperti sekolah dan klinik.

Apabila siap kelak, Putrajaya yang memiliki keluasan 4,400 hektar akan menjadi bandar dalam taman berikutan 40 peratus daripada luasannya membabitkan kawasan hijau dan tasik.

"Kita menjangka penduduk di Putrajaya kelak mencapai jumlah 330,000 yang menghuni 67,000 unit kediaman.

"Berdasarkan keadaan sekarang, mungkin pelaksanaan projek fasa kedua Putrajaya yang dijangka siap antara tahun 2005 hingga 2010, menghadapi sedikit masalah tetapi kita berharap ekonomi negara sudah pulih pada masa itu," katanya.

(END)